

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 9**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengukuhkan komitmen kewangan kepada usaha membasmi kanser serviks di negara kita melalui vaksin, teknologi baru seperti "point of care diagnostics" dan program saringan kanser serviks HPV DNA yang mesra wanita seperti "Program ROSE".

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Di Malaysia, kanser serviks merupakan kanser ketiga tertinggi (ASR 7.6 per 100,000) dalam kalangan wanita dan ketujuh tertinggi di kalangan keseluruhan penduduk Malaysia (*Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011*). Walau bagaimanapun, insidens ini telah meningkat kepada 10.5 per 100,000 (*Globocan, 2018*) berbanding dengan 6.5 per 100,000 dalam tahun 2011 (*Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011*).

Pada masa ini, pap smear adalah ujian saringan yang disediakan di semua fasiliti kerajaan dan bukan kerajaan bagi pengesanan awal kanser serviks. Namun begitu, kajian terkini menunjukkan bahawa jangkitan virus HPV berisiko tinggi adalah penyumbang kepada >95% penyebab kanser serviks. Bagi tujuan pengesanan awal yang juga merupakan langkah pencegahan sekunder, pelaksanaan saringan kanser serviks perlu diperluaskan kepada teknik ujian yang lebih efisien, malah yang lebih penting kaedah ujian yang memberi keselesaan dan autonomi kepada wanita. Wujudnya bukti yang kukuh untuk menyokong idea bahawa ujian saringan HPV mampu memberi impak yang positif dari sudut keupayaan untuk mengenalpasti virus penyebab penyakit kanser serviks bagi membolehkan intervensi selanjutnya dilakukan dalam mencegah kejadian kanser serviks

Justeru, pada tahun ini KKM telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi tujuan pelaksanaan fasa pertama ujian saringan kanser serviks menggunakan kaedah ujian HPV. Ujian ini akan dilaksanakan di WPKL & Putrajaya, Kedah dan Kelantan dan dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2019. KKM amat komited dalam usaha membanteras kanser serviks ini. Justeru, permohonan peruntukan telah dibuat untuk melaksanakan perkhidmatan ini secara berfasa sehinggalah ianya menjadi polisi saringan utama bagi kanser serviks di peringkat kebangsaan.

Sekian, terima kasih.